



YAYASAN UNDANG JOHOL

PELAN STRATEGIK PENDIDIKAN & DASAR PENDIDIKAN YAYASAN UNDANG JOHOL 2024 -2040

DISEDIAKAN OLEH:

**Profesor Datuk Dr Rokiah binti Omar
Dr. Hj Norizan bin Hj Md Nor
Dr. Kamarul Afizi bin Kosman
En. Veejayasegaran Arumugam
Dr Roslan bin Ja'afar
Dr. Idris bin Zulkifle
Dr. Zainal Ariffin bin Ahmad**

**Jawatankuasa Kecil
Pelan Strategik dan Dasar Pendidikan
Yayasan Undang Johol**

Cetakan Pertama 2024
Hak Cipta Yayasan Undang Johol, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Yayasan Undang Johol terlebih dahulu.

All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Yayasan Undang Johol.

Diterbitkan di Malaysia oleh
Yayasan Undang Johol
Balai Undang Luak Johol
Kampung Renggoh
73100 Johol, Negeri Sembilan
Malaysia.

Atur huruf/Typeset by
Nurzakirah binti Roslan
No 47 Jalan Kenanga 23,
Taman Satria Senawang,
70450 Seremban,
Negeri Sembilan

Pelan Strategik Pendidikan &
Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol

ISBN 978-629-99978-1-8



Yayasan Undang Johol (paperback)

ISI KANDUNGAN

JAWATANKUASA KECIL PELAN STRATEGIK DAN DASAR PENDIDIKAN 2024-2040	v
PRAKATA	vi
RINGKASAN EKSEKUTIF	viii
PELAN STRATEGIK YAYASAN UNDANG JOHOL 2024-2040	01
Pengenalan	01
Latarbelakang Institusi Undang Luak Johol	01
Visi, Misi, Matlamat Dan Objektif Yayasan Undang Johol	02
Latarbelakang Penubuhan Yayasan Undang Johol	02
Visi YUJ	03
Misi YUJ	03
Matlamat YUJ	03
Objektif YUJ	03
Lembaga Pemegang Amanah	04
Pentadbiran Pejabat YUJ	04
Felo	04
Keterlibatan Komuniti Dan Pengukuran Impak YUJ 2018-2023	05
Baseline Data Enrolmen Tingkatan 5 Dan Tingkatan 6 Wilayah Johol	05
Baseline Data Enrolmen Institut Pengajian Tinggi	07
Penilaian Aktiviti YUJ (5 Tahun 2018-2023)	09
Kitaran Hayat Produk Bantuan Pendidikan Yayasan Undang Johol 2018-2023	14
Pengukuran Impak: Komuniti Inklusif Dari Kajian Separuh Penggal RMKe-12	15
Analisis Persekitaran (P.E.S.T.L.E.)	17
Analisis Situasi (S.W.O.T.)	20
Analisis T.O.W.S.	21
Pelan Strategik Pendidikan Yayasan Undang Johol 2024-2040	22
Roadmap dan Pelan Tindakan	23
Pelaksanaan, Pemantauan Dan Penilaian Impak	25
Penggubalan Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol	27
Penggubalan Polisi Penubuhan Tabung Pendidikan Yayasan Undang Johol	28
Rumusan	30
DASAR PENDIDIKAN YAYASAN UNDANG JOHOL	31
Rasional Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol	31
Tujuan	31
Penubuhan Tabung Pendidikan YUJ	32
Fungsi Dan Peranan Jawatankuasa Penjanaan dan Kelestarian Kewangan (JPKK)	32

Tadbir Urus Jawatankuasa Penjanaaan dan Kelestarian Kewangan (JPKK)	32
Kuasa Dan Had Amaun Pelaburan	34
Pematuhan Kepada Pekeliling Dan Surat Pekeliling YUJ	34
Pelaporan Penjanaaan	34
Peranan Entiti Di bawah YUJ Dalam Hal Penjanaaan	34
Skop Penjanaaan Pendapatan dan Kelestarian Kewangan.....	36
RUJUKAN	39
LAMPIRAN DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN	40

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

Jadual 1	Pengukuran Impak YUJ berdasarkan Rantaian Keputusan
Jadual 2	Senarai Sekolah di bawah PPD Jempol/Jelebu, Kuala Pilah, dan Tampin
Jadual 3	Baseline Data Enrolmen Tingkatan 5 dan Tingkatan 6 dari Johol 2024
Jadual 4	Bilangan Kemasukan, Enrolmen dan Keluaran Bagi Pelajar Tempatan mengikut Negeri dan Peringkat di Institut Pengajian Tinggi 2021
Jadual 5	Pengukuran Keberkesanan dan Penilaian Impak berdasarkan Visi, Misi, Matlamat, Objektif Yayasan Undang Johol
Jadual 6	Contoh Pengukuran Keberkesanan dan Penilaian Impak Yayasan Undang Johol 2018-2023 tentang Pendidikan berdasarkan Rantaian Keputusan
Jadual 7	Penglibatan Yayasan Undang Johol dalam Bantuan Pendidikan 2018-2023
Jadual 8	Pemetaan Aktiviti Sosioekonomi Yayasan Undang Johol kepada Rancangan Malaysia Ke12
Jadual 9	Analisis Persekitaran (P.E.S.T.L.E.)
Jadual 10	Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman (S.W.O.T.)
Jadual 11	Matriks T.O.W.S.
Jadual 12	Pelan Strategik Pendidikan YUJ 2024-2040
Jadual 13	Roadmap Pendidikan Yayasan Undang Johol dipetakan kepada Rancangan Malaysia ke12 hingga ke15 (2021-2040)
Jadual 14	Pelan Tindakan Pendidikan Yayasan Undang Johol
Jadual 15	Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan Tindakan Pendidikan Yayasan Undang Johol

JAWATANKUASA KECIL

PELAN STRATEGIK DAN DASAR PENDIDIKAN

2024-2040

Jawatankuasa Pengurusan Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol telah dilantik dari kalangan ahli-ahli berikut bagi merangka sebuah kertas dasar pendidikan. Kertas dasar berasaskan perancangan strategik akan digunakan sebagai polisi yang merangkumi segala aspek, termasuk falsafah, tujuan, peraturan perundangan dan perancangan serta pelaksanaan berperingkat jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang demi kelestarian Tabung Pendidikan Yayasan Undang Johol.

Penasihat: **Dr. Safuan bin Idris,**
Pemegang Amanah, Yayasan Undang Johol

Pengerusi: **Profesor Datuk Dr Rokiah binti Omar**
*Profesor, Program Optometri & Sains Penglihatan, Fakulti Sains Kesihatan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Felo, Yayasan Undang Johol*

Setiausaha: **En. Md Ghazali bin Md Yasin**
CEO, Yayasan Undang Johol

Ahli: **Dr. Hj Norizan bin Hj Md Nor**
*Pengerusi, Koperasi Perdana Luak Johol Berhad
Felo, Yayasan Undang Johol*

Dr. Kamarul Afizi bin Kosman
*Pensyarah Kanan, Jabatan Seni Bina dan Alam Bina
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina Universiti Kebangsaan Malaysia
Felo, Yayasan Undang Johol*

En. Veejayasegaran Arumugam
*CEO, Q-Study Sdn Bhd, Perunding Pendidikan dan “Master Trainer”
Felo, Yayasan Undang Johol*

Dr. Roslan bin Ja'afar
*Pensyarah Kanan, UKM Graduate School of Business
Universiti Kebangsaan Malaysia
Ahli Jawatankuasa*

Dr. Idris bin Zulkifle
*Pegawai Sains Kanan, Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
Ahli Jawatankuasa*

Dr. Zainal Ariffin bin Ahmad
*Felo, Akademi Sains Malaysia
Ahli Jawatankuasa*



Kebawah Kaus Yang Teramat Mulia
Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan
Dato' Haji Muhammed bin Haji Abdullah

***Undang Luak Johol
Pengasas dan Pengerusi
Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Undang Johol***

PRAKATA

Y.T.M. DATO' JOHAN PAHLAWAN LELA PERKASA SITIAWAN
DATO' HJ. MUHAMMED BIN HJ. ABDULLAH
UNDANG LUAK JOHOL

“

Assalamualaikum (w.b.h.)

Transformasi pendidikan menjadi agenda utama kebanyakan negara pada masa ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan sedia ada. KAMI melafazkan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol 2024-2040 telah disediakan dengan jayanya.

Usaha penubuhan Tabung Pendidikan Yayasan Undang Johol ini merupakan satu inisiatif dan tindakan proaktif yang akan menyumbang ke arah membina masyarakat inklusif serta lebih berdaya tahan melalui perspektif pelbagai dimensi masyarakat saksama atau 'Masyarakat Malaysia yang adil' sepertimana disebutkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12. Semoga langkah memperkasa dan mengangkat kualiti pendidikan dalam kalangan penduduk wilayah Luak Johol akan dapat mencapai matlamat mengangkat potensi diri masyarakat tempatan dalam pelbagai bidang khususnya ekonomi, seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan masyarakat luar bandar.

Syabas dan tahniah kepada pasukan Jawatankuasa Kecil yang telah menggembeling tenaga, idea dan pandangan untuk merealisasikan penyediaan Buku Pelan Strategik dan kertas Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol 2024-2040 dalam masa yang begitu singkat. Buku tersebut menjadi panduan kepada penubuhan dan pelaksanaan Tabung Pendidikan Yayasan Undang Johol untuk membantu golongan sasaran untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Pelajar dari aliran sekolah agama dan tahfiz juga turut diberi peluang menerima bantuan dari tabung ini.

Akhir kata, KAMI berharap agar pembentukan Tabung Pendidikan ini mendapat sokongan padu dari pelbagai pihak dan memberi manfaat seluas-luasnya kepada penduduk wilayah Luak Johol dalam meringankan beban kos pendidikan untuk menghantar anak-anak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Pendidikan 2024-2040 berasaskan Visi, Misi, Matlamat, dan Objektif Yayasan Undang Johol (YUJ) telah digubal dengan mengambilkira maklumbalas daripada pihak berkepentingan dalaman dan luaran Yayasan. Pelan strategik ini menggariskan Roadmap serta Pelan Tindakan yang akan memacu agenda pendidikan YUJ ke tahun 2040 dengan Visi “untuk menjadi sebuah agensi yang sentiasa mengambil peduli kepayahan hidup masyarakat dan membantu mensejahterakan anggota masyarakat yang berada dalam kumpulan sasar” dan mendokong Misi YUJ “untuk mengurustadbir organisasi dengan cekap dan berintegriti serta mewujudkan jaringan kerjasama yang erat dengan kumpulan sukarelawan, jabatan dan agensi kerajaan serta pihak swasta.” Tujuan atau matlamat utama penubuhan Yayasan Undang Johol adalah “untuk mengambil peduli kebajikan rakyat golongan sasar dan mereka yang tercicir dalam arus pembangunan dalam jajahan takluk Undang Luak Johol.”

Maka, Pelan Strategik Pendidikan ini menyediakan *Roadmap* atau hala tuju bagi penggubalan Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol yang holistik untuk pelaksanaan dan penilaian impak mulai 2024 hingga 2040. Roadmap yang dihasilkan berdasarkan kitaran hayat produk dipadankan dengan Pelan Tindakan pembangunan pendidikan mampan dengan kerjasama pihak berkepentingan (akademik, kerajaan, sektor swasta, perusahaan sosial, masyarakat umum) untuk penjanaan dana bagi Tabung Pendidikan bagi membiayai program pendidikan, sosioekonomi dan kebajikan serta sebagai persediaan bagi menghadapi keadaan kecemasan seperti berlakunya bencana alam.

Kertas Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol digunapakai sebagai asas kepada kertas Polisi Undang-Undang Kecil Tabung Pendidikan Yayasan Undang Johol berserta Borang Permohonan Tabung Pendidikan Yayasan Undang Johol yang akan dibentangkan dalam buku kedua. Kertas Dasar Pendidikan dan kertas polisi Undang-Undang Kecil serta Borang Permohonan Tabung Pendidikan akan menggariskan syarat dan kelayakan Bantuan kepada Pelajar, Bantuan Melanjutkan Pengajian dan Bantuan Pemerkasaan Pendidikan dari pra-sekolah ke universiti bagi anak-anak golongan sasar. Bantuan diberikan kepada masyarakat di Luak Johol khususnya dan warga Malaysia amnya, tanpa mengira bangsa, agama dan kepercayaan. Ini sejajar dengan peranan Yayasan dalam pembangunan pendidikan, sosioekonomi, kesejahteraan masyarakat, dan kelestarian alam sekitar pada peringkat tempatan merentasi Johol, Negeri Sembilan, negara dan global.

PELAN STRATEGIK YAYASAN UNDANG JOHOL 2024-2040

1.0 Pengenalan

Pelan Strategik ini telah dibangunkan dengan persetujuan semasa mesyuarat Felo bersama Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Undang Johol (YUJ) pada 16 Januari 2024. Skop terma rujukan Pelan Strategik ini berfokuskan Pendidikan dan telah disediakan dalam tempoh tiga minggu menggunakan peninjauan sosial dengan pihak berkepentingan serta temubual atas talian oleh Felo YUJ. Lanjutan dari Sumbangsaan Hajatuju YUJ pada 8 Mac 2023, kami telah meneliti Visi dan Misi YUJ, dan bertanya "Mengapa kita di sini?" (APA yang kita lakukan, untuk SIAPA kita melakukannya, dan BAGAIMANA kita melakukannya) untuk dua dekad yang akan datang.

Pelan Strategik Pendidikan Yayasan Undang Johol 2024-2040 dan Dasar Pendidikan digubal selaras dengan Visi, Misi, Matlamat dan Objektif Yayasan Undang Johol, Dasar Pendidikan Negara serta Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12. Berlandaskan Rantaian Keputusan atau Analisis Aliran Logikal (L.F.A.), kami telah mengambil kira senario semasa dan unjuran data baseline enrolmen Tingkatan 5 dan Tingkatan 6 Wilayah Johol serta trend kemasukan ke universiti awam (UA), institut pengajian tinggi swasta (IPTS), politeknik dan kolej komuniti. Kami juga menjalankan Analisis Persekitaran (P.E.S.T.L.E.) dan Analisis Situasi (S.W.O.T. dan T.O.W.S.) untuk membangunkan Pelan Strategik Pendidikan ini.

Maka, Pelan Strategik Pendidikan YUJ menggariskan Roadmap berdasarkan kitaran hayat produk dan Pelan Tindakan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang yang akan melihat segala aspek mekanisme dari peringkat input, proses, output (hasil), outcome (natijah) dan impak untuk pelaksanaan dan halatuju masa depan. Dokumen ini mempersembahkan Pelan Strategik Pendidikan 2024-2040 sebagai asas kepada Kertas Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol.

a) Latarbelakang Institusi Undang Luak Johol

Luak Johol merupakan sebuah wilayah adat di Negeri Sembilan, terletak di bahagian tenggara Negeri Sembilan meliputi kawasan Gemencheh, Gemas, Pasir Besar, Air Kuning Selatan, Kepis, Dangli, Selaru, Johol, Rompin dan Palong.

Dari segi pentadbiran, Luak Johol diletakkan di bawah tiga buah daerah, iaitu Kuala Pilah (Johol, Selaru, Dangli, Kepis), Tampin (Gemencheh, Air Kuning Selatan, Gemas, Pasir Besar) dan Jempol (Rompin, Jelai, Palong).

Dari segi pentadbiran politik, Luak Johol meliputi tiga kawasan parlimen, iaitu Parlimen Kuala Pilah, Parlimen Tampin, Parlimen Jempol, dan lima Dewan Undangan Negeri, iaitu DUN Johol, DUN Gemencheh, DUN Gemas, DUN Palong dan DUN Jeram Padang.

Taburan penduduk Luak Johol secara umumnya boleh dikategorikan kepada empat kluster, iaitu Kampung Tradisional Melayu, Penduduk pekan/bandar, Perkampungan Orang Asli, dan Peneroka Rancangan Felda. Rata-rata penduduknya adalah terdiri dari petani, bekerja kampung, kakitangan kerajaan dan pekerja kilang. Pecahan keluasan tanah Luak Johol ialah seluas 13,496.28 hektar (Rizab Melayu) dan 14,993.62 hektar (Luar Rizab Melayu).

Institusi Undang Luak Johol diasaskan pada tahun 1723 oleh seorang perempuan yang bernama Puteri Kanun yang kemudian dikenali Dato' Sitiawan 1. Menurut salah satu sumber sejarah, Undang Johol yang pertama merupakan adik perempuan kepada Dato' Batin yang dilantik oleh Sultan Johor sebagai pemerintah wilayah 'luar rimba' Johol sebagai salah satu anugerah di atas jasa beliau dan abangnya (Dato' Batin) kerana menyempurnakan tugas besar yang dititahkan oleh Baginda.

Memandangkan adik perempuannya ini masih lagi muda dan kurang pengalaman dalam pentadbiran, Dato' Batin telah 'meminjamkan' adat yang diamalkan di rimba yang dikenali sebagai Adat Benar. Masa berlalu, Adat Benar di luar rimba telah berasimilasi dengan agama Islam yang dibawa oleh masyarakat dari luar Johol terutamanya orang Minangkabau dan kini dikenali sebagai Adat Johol. Keturunan Dato' Batin Luak Johol yang mewarisi pemerintahan Undang Johol dikenali sebagai Anak Waris. Tiga orang Undang Johol yang pertama adalah terdiri daripada perempuan dan bermula dari Undang Yang Ke-4 (Dato' Rambutan Jantan) hinggalah pewaris Undang Johol terkini adalah lelaki. YTM Dato' Haji Muhammed bin Haji Abdullah merupakan penyandang pusaka Undang Johol Yang Ke-15 dan telah diabsahkan pelantikan beliau dalam satu istiadat yang dinamakan 'Kerjan' atau membina Kerajaan (adat) pada 23 Mac 2017. Perlantikan Undang diputuskan oleh sebuah lembaga adat yang dinamakan Buapak Yang enam (yang bertaraf Lembaga), dipengerusikan oleh YM Dato' Jenang dan direstui oleh YM Ibu Waris Luak Johol dan YM Ibu Waris Luak Gemencheh serta disaksikan oleh YM Dato' Batin Luak Johol. Undang merupakan Ketua Adat dan Ketua Agama dalam wilayah adatnya. Dalam mendaulatkan pemerintahannya, Undang berpegang kepada Adat Johol yang mendukung prinsip murni yang diasaskan daripada Adat Benar dan berpaksikan agama Islam, sepertimana yang disebut dalam perbilangan adat, 'Adat bersendi Hukum, Hukum bersendi Syarak, Syarak bersendikan Kitabullah'.

2.0 Visi, Misi, Matlamat Dan Objektif Yayasan Undang Johol

a) Latarbelakang Penubuhan Yayasan Undang Johol

Yayasan Undang Johol (selepas ini dipanggil Yayasan atau YUJ) ialah sebuah badan bukan kerajaan (NGO) berpaksikan kebajikan yang tidak bermotifkan keuntungan. Penubuhannya diilhamkan oleh YTM Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan Dato' Haji Muhammed bin Haji Abdullah, Undang Luak Johol setelah dimasyhurkan sebagai Undang Luak Johol Yang Ke-15 pada 23 Mac 2017.

Yayasan ini didaftarkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) pada 15 Januari 2018 (No. Pendaftaran PPAB – 03/2018) dan beroperasi di Balai Rasmi YTM Dato Undang Luak Johol, Negeri Sembilan.

Pengasas:

- 1) YTM Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan Dato' Haji Muhammed bin Haji Abdullah, Undang Luak Johol
- 2) YBrS Encik Mohamad Hilal bin Arshad (Pengasas Bersama)

b) Visi YUJ

Untuk menjadi sebuah agensi yang sentiasa mengambil peduli kepayahan hidup masyarakat dan membantu mensejahterakan anggota masyarakat yang berada dalam kumpulan sasaran.

c) Misi YUJ

Mengurustadbir organisasi dengan cekap dan berintegriti serta mewujudkan jaringan kerjasama yang erat dengan kumpulan sukarelawan, jabatan dan agensi kerajaan serta pihak swasta.

d) Matlamat YUJ

Dengan maju dan berkembangnya Yayasan Undang Johol ini ia diharap dapat memainkan peranan sebagai salah satu agen pembangunan dalam konteks memakmur dan mensejahterakan rakyat selaras dengan objektif penubuhannya; yang mana tumpuan utama adalah:

Mengambil peduli kebajikan rakyat golongan sasaran dan mereka yang tercicir dalam arus pembangunan dalam jajahan takluk Undang Luak Johol

meliputi kawasan Gemencheh, Gemas, Pasir Besar, Air Kuning Selatan, Kepis, Dangi, Selaru, Johol, Rompin dan Palong.

e) Objektif YUJ

Tujuan utama penubuhan Yayasan Undang Johol adalah untuk membantu masyarakat di Luak Johol khususnya dan warga Malaysia umumnya, tanpa mengira bangsa, agama dan kepercayaan dalam bidang seperti berikut:

- i) Mengambil peduli mengenai hal-hal kebajikan dan kesejahteraan golongan yang lemah fizikal dan mental, warga emas, ibu tunggal, anak yatim, insan yang terlantar sakit kronik serta golongan penduduk miskin yang tercicir dalam arus pembangunan;
- ii) Memperkasa pendidikan anak-anak dengan memberi motivasi, bantuan kewangan, tuisyen, barang persekolahan/pembelajaran dari peringkat pra sekolah sehingga pengajian di peringkat kolej/universiti;
- iii) Memberi bantuan kecemasan, kemanusiaan dan kewangan kepada mangsa akibat berlakunya kemusnahan dan malapetaka bagi meringankan beban kesusahan dan kepayahan hidup yang dihadapi oleh mereka akibat wabak penyakit dan lain-lain bentuk bencana.

f) Lembaga Pemegang Amanah

Yayasan Undang Johol ditadbir dan dikawalselia pengurusannya oleh sebuah Lembaga Pemegang Amanah yang dipengerusikan oleh Yang Teramat Mulia Undang Luak Johol berpandukan sebuah perlembagaan yang dinamakan Surat Ikatan Amanah Yayasan Undang Johol. Lima Ahli Pemegang Amanah adalah seperti berikut:

- 1) YTM Dato' Haji Muhammed Bin Haji Abdullah, Undang Luak Johol
- 2) YBhg Datuk Abu Bakar Bin Hj. Isa Ramat, Rakan Kongsi Tetuan Hafarizam, Wan & Aishah Mubarak (HWAM)
- 3) YBrS Dr. Safuan Bin Idris, Mantan Ketua & Perunding Utama, Management System Standard Section (MSSS) SIRIM STS Sdn Bhd.
- 4) YBrS Tuan Abdul Jalil Bin Tamin, Kontraktor Binaan Japadu Enterprise, Kuala Pilah, Negeri Sembilan
- 5) YBrS Haji Mohd Rashdan Bin Abd Rashid, Pengurus Syarikat/Kontraktor Binaan MRAR Enterprise, Tampin, Negeri Sembilan

g) Pentadbiran Pejabat YUJ

Bagi menguruskan program dan aktiviti-aktiviti serta operasi harian, Lembaga Pemegang Amanah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan beberapa kakitangan sokongan. Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik sejak dari penubuhan hingga sekarang ini ialah:

YBrS Encik Md Ghazali bin Md Yasin (Ketua Pegawai Eksekutif)

dan dibantu oleh :

Cik Nor Raimi binti Mohammad Razip (Pegawai Eksekutif).

h) Felo

Lembaga Pemegang Amanah juga telah melantik lima orang tokoh yang memiliki kelayakan akademik yang tinggi serta berpengalaman luas dalam bidang masing-masing sebagai Felo berkuatkuasa pada 10 September 2022. Felo adalah merupakan pakar rujuk untuk memberi pandangan dan nasihat kepada Pengerusi dan Lembaga Pemegang Amanah serta Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan agar setiap program besar yang dilaksanakan dalam bidang kebajikan, pendidikan dan kemanusiaan yang dirancang untuk dilaksanakan sentiasa peka dan mengambilkira perkembangan ilmu dan isu yang membabitkan manusia sejagat. Lima Felo tersebut adalah seperti berikut:

- 1) YBhg Dato' Haji Mohd. Yusof bin Haji Ahmad,
Mantan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus
- 2) YBhg Profesor Datuk Dr. Rokiah binti Omar,
Profesor di Program Optometri & Sains Penglihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- 3) YBrS Dr. Haji Norizan bin Haji Md. Nor
Mantan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia Mantan Pengarah Pusat Kajian Kelestarian Global ICGSS) Universiti Sains Malaysia Pengerusi Koperasi Perdana Luak Johol Berhad

- 4) YBrS Dr. Kamarul Afizi bin Kosman
Pensyarah Kanan, Jabatan Seni Bina dan Alam Bina. Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia
- 5) YBrS Encik Veejayasegaran Arumugam
CEO Q-Study Sdn Bhd, Perunding Pendidikan dan 'Master Trainer'

3.0 Keterlibatan Komuniti Dan Pengukuran Impak YUJ 2018-2023

Dalam menyediakan Pelan Strategik Pendidikan YUJ 2024-2040, kami telah menganalisis data menggunakan Rantaian Keputusan atau Analisis Aliran Logikal (Logical Flow Analysis) merangkumi input, proses, output (hasil), outcome (natijah) dan impak seperti Jadual 1. Data telah diperolehi dari penglibatan melalui Peninjauan Sosial dengan pemegang taruh YUJ, laporan media sosial serta statistik yang telah disediakan oleh pihak berkepentingan. Untuk tujuan analisis, kami hanya fokus kepada aktiviti pendidikan berdasarkan terma rujukan penyediaan Pelan Strategik Pendidikan ini.

Jadual 1. Pengukuran Impak YUJ Berdasarkan Rantaian Keputusan

INPUT	AKTIVITI	OUTPUT (HASIL)	NATIJAH (OUTCOME)	IMPAK
Sumber dikhaskan untuk projek	Bagaimana Input yang digunakan oleh projek	Nilai pencapaian dihasilkan oleh projek	Faedah atau perubahan kepada peserta semasa atau selepas projek	Kesan jangka panjang dari intervensi projek
Statistik Pelajar Tingkatan 5 dan 6 Negeri Sembilan/ Wilayah Johor Data UA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti	Aktiviti YUJ 2018-2023 Tarikh/Program Rakan Strategik	Jenis Aktiviti Penerima manfaat	Maklumbalas dari penerima manfaat dari aktiviti YUJ	Pemetaan kepada Kajian Separuh Penggal RMKe12 Impak Sosial Impak Persekitaran Impak Ekonomi
Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi	Staf YUJ	Laporan dalam FB dan Mesyuarat YUJ	Pemegang taruh dalam dan luaran	Kajian Separuh Penggal RMKe12

a) Baseline Data Enrolmen Tingkatan 5 Dan Tingkatan 6 Wilayah Johor

Jadual 2 menunjukkan taburan dan contoh sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah menengah dan sekolah menengah agama (bantuan kerajaan) dan kolej vokasional di Wilayah Johor mengikut senarai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (10 Jun 2020) dan https://myschoolchildren.com/data/SEK_MEN_N_Sembilan.htm.

Sebagai persediaan perancangan Tabung Pendidikan, pihak Yayasan boleh mendapatkan data pelajar (jangkaan yang akan memasuki universiti dan yang akan memasuki Kolej Komuniti serta keputusan pelajar yang memperolehi pangkat A, B dan sebagainya) yang berada dalam Tingkatan 5 dan 6 bagi tahun daripada sekolah-sekolah menengah dalam Luak Johor seperti dalam Jadual 3.

Jadual 2. Senarai Sekolah di bawah PPD Jempol/Jelevu, Kuala Pilah, dan Tampin

Pejabat Pendidikan Daerah	PPD Jempol/Jelevu	PPD Kuala Pilah	PPD Tampin	Jumlah
Jumlah Sekolah Rendah	74	47	39	160
Sekolah Kebangsaan (SK)	47	36	24	107
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	15 12	9 2	8 7	32 21
Jumlah Sekolah Rendah mengikut Bandar	16 Bandar Seri Jempol 13 Bahau 10 Kuala Klawang 10 Gemas 7 Simpang Pertang 5 Rompin 5 Simpang Durian 5 Batu Kikir 3 Titi	16 Kuala Pilah 12 Johol 7 Tanjong Ipoh 4 Juasseh 2 Seri Menanti 4 Batu Kikir 1 Gemenceh 1 Bahau	16 Gemencheh 14 Gemas 9 Tampin	
Banci Murid	15,337	5,809	8,719	29,865
Bilangan Guru	1,680	819	924	3,423
Jumlah Sekolah Menengah	25	16	12	53
Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) (Model Khas)	18 1	11	10	40
Sekolah Berasrama Penuh (SBP)	1	1		2
Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SM SABK)	4	3	2	9
Kolej Vokasional (KV)	1	1		2
Banci Murid	11,777	6,171	6,203	24,151
Bilangan Guru	1,317	772	645	2,734
Jumlah Sekolah Menengah mengikut Bandar	5 Bahau 4 Kuala Klawang 4 Bandar Seri Jempol 4 Gemas 3 Batu Kikir 2 Simpang Durian 2 Simpang Pertang 1 Jelevu	7 Kuala Pilah 5 Johol 2 Juasseh 1 Seri Menanti 1 Tanjong Ipoh	5 Gemas 4 Tampin 3 Gemencheh	

Contoh Sekolah	Sekolah Kebangsaan	Sekolah Jenis Kebangsaan	Sekolah Menengah Kebangsaan	Sekolah Menengah Agama
Kuala Pilah (Johol, Selaru, Dangi, Kepis)				
Johol	Sekolah Kebangsaan Senibai, Johol Sekolah Kebangsaan Undang Johol, Johol Sekolah Kebangsaan Dato' Undang Kamat, Johol Sekolah Kebangsaan Dato' Inas, Johol Sekolah Kebangsaan Inas, Johol Sekolah Kebangsaan Nuri, Johol	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Yoke Hua, Air Mawang, Johol Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Yuk Chai, Johol, Johol	Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Undang Abdul Manap, Johol	Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah, Johol Sekolah Menengah Rendah Agama Johol, Johol

Selaru				
Dangi				
Kepis				
Tampin (Gemencheh, Air Kuning Selatan, Gemas, Pasir Besar)				
Gemencheh				
Air Kuning Selatan				
Gemas				
Pasir Besar				
Jempol (Rompin, Jelai, Palong)				
Rompin				
Jelai			Sekolah Menengah Kebangsaan Jelai, Johol	
Palong				

Sumber : <https://www.apac.com.my/location/negeri-sembilan/johol/?page=1>
https://myschoolchildren.com/data/SEK_MEN_N_Sembilan.htm

Jadual 3 menunjukkan contoh kerangka baseline data enrolmen Tingkatan 5 dan Tingkatan 6 bagi 2024 yang boleh digunakan oleh pihak Yayasan dari Kementerian Pendidikan Malaysia atau Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Negeri Sembilan dan/atau Jabatan Statistik Malaysia (DOSM) meliputi Wilayah Johol.

Jadual 3. Baseline Data Enrolmen Tingkatan 5 dan Tingkatan 6 di Wilayah Johol 2024

Tahun	Kemasukan			Enrolmen			Keluaran		
	L	P	J	L	P	J	L	P	J
Tingkatan 5									
Tingkatan 6									

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia/Pejabat Pendidikan Negeri (10 hb Feb)

b) Baseline Data Enrolmen Institut Pengajian Tinggi

Seperti ditunjukkan dalam Jadual 4, Statistik Pendidikan Tinggi (2021) hanya menunjukkan bilangan kemasukan, enrolmen dan keluaran bagi pelajar tempatan di 20 Universiti Awam (UA) mengikut jantina dan negeri kelahiran Negeri Sembilan. Data daripada 434 institut pengajian tinggi (IPTs), 36 politeknik dan 103 kolej komuniti tidak dipecahkan mengikut negeri hanya secara agregat bagi pelajar tempatan dan luar negara mengikut peringkat (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2021).

Jadual 4. Bilangan Kemasukan, Enrolmen dan Keluaran Bagi Pelajar Tempatan mengikut Negeri dan Peringkat di Institut Pengajian Tinggi 2021

Mengikut Negeri	Kemasukan			Enrolmen			Keluaran		
20 UA*	L	P	J	L	P	J	L	P	J
2021	2649	4226	6875	8540	13508	22048	2109	4019	6128
Mengikut Peringkat									
20 UA*									
Sarjana Muda	38195	64379	102574	143541	235265	378806	31984	61955	93939
Diploma Lanjutan	3	51	54	3	51	54	0	0	0
Diploma	11822	17103	28925	36124	55942	92066	16379	26406	42785
Sijil	1	14	14	141	239	380	0	0	0
Profesional	145	261	406	398	678	1076	66	142	208
Matrikulasi & Asasi	4927	7260	12187	5182	7524	12706	0	0	0
Pra-diploma, pra sesi	1383	2119	3502	1353	2017	3370	0	0	0
434 IPTS**									
Sarjana Muda	31570	34614	66184	123801	134974	258775	24761	28618	53379
Diploma Lanjutan	63	121	184	96	196	292	43	32	75
Diploma	21691	29235	50926	74560	98861	173421	17971	24351	42322
Sijil	4439	4910	9349	7060	7340	14400	3932	4325	8257
Sijil Kursus Pendek, Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah	10365	11371	21736	12914	13585	26499	9693	10873	20566
Matrikulasi & Asasi	4927	7260	12187	5182	7524	12706	0	0	0
36 Politeknik**									
Sarjana Muda	73	72	145	300	252	552	70	56	126
Diploma	16545	12536	29081	46853	37003	83856	14241	13663	27904
Pra Diploma & Sijil Kemahiran Politeknik	43	49	92	75	73	148	39	48	87
103 Kolej Komuniti**									
Diploma	130	75	205	398	218	616	26	24	50
Sijil	4998	3526	8524	8566	6396	14962	4204	3814	8018

*Nota: *Hanya data untuk Universiti Awam (UA) dipecahkan mengikut negeri kelahiran pelajar
 **IPTS, Politeknik, Kolej Komuniti adalah mengikut jumlah pelajar tempatan Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi (2021). Statistik Pendidikan Tinggi*

4.0 Penilaian Aktiviti YUJ (5 Tahun 2018-2023)

Suatu mesyuarat Sumbangsaran tentang halatuju masa depan Yayasan Undang Johol telah diadakan di Allson Klana Seremban pada 8 Mac 2023. Perbincangan melibatkan 3 Ahli Pemegang Amanah, 2 Pegawai dan 3 Felo YUJ serta 3 jemputan (YBhg Dato' Kevin Ong, Datin Julia Lee dan YBrS Dr. Idris Zulkifle). Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Ke bawah Kaus YTM Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan Dato' Haji Muhammed bin Haji Abdullah, Undang Luak Johol.

Mesyuarat tersebut telah menilai semula program dan aktiviti Yayasan lima (5) tahun lepas, sekarang dan masa depan dengan melihat konteks input, proses, output dan outcome (Logical Flow Analysis LFA). Rumusan mesyuarat mendapati selama 5 tahun yang lepas aktiviti Yayasan dilihat lebih tertumpu pada input, proses dan output (hasil) sahaja manakala elemen outcome (natijah) ada tetapi masih samar. Maka, berdasarkan visi, misi, matlamat, dan objektif Yayasan, rubrik pengukuran keberkesanan dan penilaian impak dicadangkan seperti Jadual 5. Antara beberapa aspek yang disarankan adalah untuk mewujudkan dana khusus (Tabung Pendidikan) untuk pembangunan modal insan (termasuk pendidikan) dan dana untuk menggerakkan dan meluaskan program kebajikan (Tabung Kebajikan). Cadangan membangunkan Pangkalan Data bagi Tanah Adat terbiar di Wilayah Johol sebagai asas untuk pembangunan sosioekonomi golongan miskin tegar dan kumpulan B40 khususnya dalam bidang pertanian dan penternakan juga dibincang.

Jadual 5. Pengukuran Keberkesanan dan Penilaian Impak berdasarkan Visi, Misi, Matlamat, Objektif Yayasan Undang Johol

Visi	Untuk menjadi sebuah agensi yang sentiasa mengambil peduli kepayahan hidup masyarakat dan membantu mensejahterakan anggota masyarakat yang berada dalam kumpulan sasaran.		
Misi	Mengurustadbir organisasi dengan cekap dan berintegriti serta mewujudkan jaringan kerjasama yang erat dengan kumpulan sukarelawan, jabatan dan agensi kerajaan serta pihak swasta.		
Matlamat	Mengambil peduli kebajikan rakyat golongan sasaran dan mereka yang tercicir dalam arus pembangunan dalam jajahan takluk Undang Luak Johol		
Objektif	Mengambil peduli mengenai hal-hal kebajikan dan kesejahteraan golongan yang lemah fizikal dan mental, warga emas, ibu tunggal, anak yatim, insan yang terlantar sakit kronik serta golongan penduduk miskin yang tercicir dalam arus pembangunan	Memperkasa pendidikan anak-anak dengan memberi motivasi, bantuan kewangan, tuisyen, barang persekolahan/pembelajaran dari peringkat pra sekolah sehingga pengajian di peringkat kolej/universiti;	Memberi bantuan kecemasan, kemanusiaan dan kewangan kepada mangsa akibat berlakunya kemusnahan dan malapetaka bagi meringankan beban kesusahan dan kepayahan hidup yang dihadapi oleh mereka akibat wabak penyakit dan lain-lain bentuk bencana.
Pengukuran Keberkesanan	Golongan Khusus: - lemah fizikal dan mental - warga emas - ibu tunggal - anak yatim - sakit kronik - miskin tegar	Bantuan kepada anak-anak peringkat: - pra-sekolah - sekolah rendah - sekolah menengah - kolej universiti	Bantuan diberikan: - kecemasan, - kemanusiaan, - kewangan
Penilaian Impak - Sosioekonomi Persekitaran	Impak Sosial – Kebajikan	Impak Sosial – Pendidikan - Kesejahteraan melalui Keusahawanan dan Sosioekonomi	Impak Sosial – Kebajikan Impak Persekitaran – bencana, pembangunan sosioekonomi

Jadual 6 menunjukkan contoh bagaimana pengukuran keberkesanan dan penilaian impak boleh dijalankan ke atas semua aktiviti yang telah dilaksanakan oleh YUJ dari 2018 hingga 2023. Kami telah menilai Output (Hasil) dari segi jenis aktiviti dan penerima manfaat. Dengan menggunakan pendekatan Rantaian Keputusan (Logical Flow Analysis), kami melihat Outcome (Natijah) untuk Pengukuran Keberkesanan (menilai kelebihan dan kekurangan aktiviti Yayasan) dengan berfokuskan kepada Pendidikan. Yayasan perlu menetapkan apakah Impak yang ingin dicapai dan siapakah kolaborator atau rakan strategik dalam aktiviti tersebut. Pencapaian YUJ dilihat secara Penilaian Impak bagi Impak Sosial – Kebajikan, Pendidikan, Impak Ekonomi – Kesejahteraan melalui Keusahawanan dan Sosioekonomi serta Impak Persekitaran – Alam Sekitar dan Bantuan Bencana.

Sebagai contoh, bagi tahun 2022 dan 2023, Yayasan boleh menentukan aktiviti yang boleh diteruskan dan apa yang perlu diberi perhatian untuk 'create a new curve'. Rumusan sumbangsaran mencadangkan satu perbincangan selanjutnya bagi perancangan strategik Lembaga Pemegang Amanah diadakan untuk memperincikan program dan aktiviti yang dicadangkan dari segi idea, struktur pelaksanaan dan penyusunan strategi untuk menjayakan perancangan tersebut. YTM Dato' Undang Hj. Muhammed berharap Yayasan perlu menyusun program dan aktiviti yang berimpak tinggi demi menaikkan martabat Yayasan khususnya dan Johol amnya pada masa akan datang.

Jadual 6. Contoh Pengukuran Keberkesanan dan Penilaian Impak Yayasan Undang Johol 2018-2023 tentang Pendidikan berdasarkan Rantaian Keputusan

Logical Flow Analysis (LFA) atau Rantaian Keputusan					
Input	Sumber untuk projek - RM, in-kind, kolaborator, rakan strategik				
Aktiviti	Bagaimana Input yang digunakan oleh projek -				
Output/Hasil	Nilai pencapaian dihasilkan oleh projek - penerima manfaat, bantuan diberikan, peserta				
Outcome/Natijah	Pengukuran Keberkesanan Faedah atau perubahan kepada peserta semasa atau selepas projek – pelarasan gaya hidup				
Impak - Penilaian Impak Sosial Impak Persekitaran Impak Ekonomi	Penilaian Impak - Kesan jangka panjang dari intervensi projek				
	Impak Sosial – Kebajikan, Pendidikan, Kesejahteraan melalui Keusahawanan/ Sosioekonomi Impak Persekitaran – bencana Impak Ekonomi				
Cadangan dari Sumbangsaran 8/3/2023	1. Dana khusus untuk pembangunan modal insan (termasuk pendidikan) 2. Dana untuk menggerak dan meluaskan program kebajikan. 3. Pangkalan data bagi Tanah Adat terbiar di Wilayah Johol - asas untuk pembangunan sosioekonomi golongan miskin tegar dan kumpulan B40 khususnya dalam bidang pertanian dan penternakan juga dibincang.				
Tahun	INPUT	AKTIVITI	OUTPUT (HASIL)	NATIJAH (OUTCOME)	IMPAK
	Sumber untuk projek YUJ dan...	Bagaimana Input yang digunakan oleh projek	Nilai pencapaian dihasilkan oleh projek	Faedah atau perubahan kepada peserta semasa atau selepas projek	Kesan jangka panjang dari intervensi projek
Data yang perlu	Rakan strategik, kolaborator	Program	Jumlah peserta Penerima manfaat	Pengukuran Keberkesanan	Penilaian Impak

2018					Sosial Pendidikan Kebajikan Persekitaran Pertanian Bencana Ekonomi Keusahawanan Sosioekonomi
2019					
2020					
2021					
Tahun	INPUT	AKTIVITI	OUTPUT (HASIL)	NATIHAJ (OUTCOME)	IMPAK
2022	Sumber untuk projek YUJ dan...	Bagaimana Input yang digunakan oleh projek	Nilai pencapaian dihasilkan oleh projek	Faedah atau perubahan kepada peserta semasa atau selepas projek	Kesan jangka panjang dari intervensi projek
11.5.22	UKM	MOU Bengkel Usahawan Johol – YTM	400 orang peserta		Sosial - B40 Ekonomi – Keusahawanan
29.8.22	MyIPO 7 usahawan Johol	Trademark di MyIPO - Shelukis, Deqteh, Deciktyjah, Sisirtini, NOEM, Kayzrecipe, Biah Bakery	7 usahawan Johol	7 usahawan mendapat trademark	Sosial - B40 Ekonomi - Keusahawanan
15.9.22	PERMANIS UKM RM1000 pelajar terbaik SPM RM700 ke 2 RM300 ke 3	Program Motivasi SPM SMK Datuk Undang Abdul Manap.	LDK dgn PERMANIS UKM untuk sambung belajar Pendidikan - Berapa pelajar terlibat	Brp pelajar meneruskan pengajian tinggi	Sosial - Pendidikan
17.9.22	UKM	Pelancaran buku Warisan Adat Johol - 270 halaman – Dr Kamarulafizi Kosman – Istiadat Kerjan	120 orang peserta	Bengkel/wacana tentang Istiadat Kerjan?	Sosial - Adat/Ugama
9.22		Usahawan Johol – Shiedah Enterprise, Deciktyjah Retort Centre, Sisirtini, Pes Asmah Alias	4 usahawan		Ekonomi - Keusahawanan
1.10.22	Kolaborator Berapa kos, AJK terlibat	Majlis Makan Malam Amal YUJ “Keluarga Malaysia” -	Kehadiran: 1000 orang Penjanaan: RM500 ribu	Pemasyuran Lagu Rasmi Undang Luak Johol, Tabung Kebajikan.	Ekonomi Sosial – Tabung Pendidikan Tabung Kebajikan
7.10.22	4 usahawan Johol Kedai Usahawan Johol	Kedai Usahawan Johol di Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Dataran Seri Jempol	4 usahawan Berapa pelanggan/ dapatan	Kedai Usahawan Johol	Ekonomi – Keusahawanan
7.10.22		Sumbangan barang basah dan kering Rumah Seri Perkasa	RM 500	10 penghuni OKU	Ekonomi Sosial B40 - OKU

8.10.22		Maulidur Rasul peringkat Luak Johol		Brp peserta	Sosial – Adat/Ugama
19.10.22	BERNAMA Kedai Usahawan Johol	Kedai Usahawan Johol ditemubual BERNAMA	Untuk projek usahawan Johol	Brp usahawan Johol terlibat Liputan akhbar, socmed	Sosial - Keusahawanan
20.10.22	Brp kos majlis CIMA DUN Jeram Padang	Penyampaian sumbangan pek makanan sempena Deepavali di Jelai dan Jeram Padang	150 warga india	RM200x 150 pak	Sosial B40 - Kebajikan
21.10.22	Kos Bot Bomba & Penyelamat dan PDRM	Sumbangan 2 bot fibre glass kpd Jabatan Bomba & Penyelamat dan PDRM untuk bencana banjir	2 bot fibre glass		Persekitaran – bencana Sosial – Kebajikan
11.11.22	13 pelajar UKM	Kerja lapangan studio pelajar tahun 3 Program Seni Bina UKM	13 pelajar UKM	Teknologi pembungkusan retort	Sosial – Pendidikan dan Keusahawanan
1.12.22	AKRAB	Program Jalinan Kasih dan Gotong Royong – Seri Perkasa + AKRAB	10 penghuni OKU Seri Perkasa		Sosial – B40 OKU Kebajikan OKU
	Sukarelawan YUJ	19/12 Banjir Rumah Rakyat Kuala Johol	10 rumah		Persekitaran - bencana Kebajikan - 10 rumah
29.12.22	Ketua Sukarelawan YUJ	Bantuan penerima – penoreh getah musim tengkujuh	1 penoreh getah		Persekitaran - bencana Kebajikan - 1 keluarga
2023	INPUT	AKTIVITI	OUTPUT (HASIL)	OUTCOME (NATIJAH)	IMPAK
2.2.23	RM3000 Persatuan OKU NS	Mesyuarat JK Muafakat Penghuni OKU di Rumah Seri Perkasa	Sumbangan RM3000 kpd POKU NS 10 penghuni OKU	Bantu masalah kekangan kewangan pengurusan Rumah Seri Perkasa	Sosial – Kebajikan
3.2.23		Penghuni OKU Rumah Seri Perkasa – seni anyaman manik – keychain, beg tangan, simpan tisu	2 penghuni		Sosial - Keusahawanan Kebajikan
14.2.23	PEMANIS UKM Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Pilah dan Pengetua sekolah wilayah Johol.	Kursus motivasi memperkasakan pelajar sekolah menengah wilayah Johol	20 pelajar	Kursus Digital – Gemencheh, Pasir Besar, Air Kuning, Palong	Sosial – Pendidikan
S6. Menyediakan Borang dan Syarat Tabung Pendidikan YUJ	A14. Menerima pakai Borang Permohonan Tabung Pendidikan YUJ	Lembaga Pemegang Amanah YUJ	a. Bantuan Pelajar b. Melanjutkan Pengajian c. Pemerksaan Pendidikan	Impak Sosial – Pendidikan

Impak adalah perubahan dalam hasil positif atau negatif yang penting untuk manusia atau Wilayah Undang Johol dan persekitaran amnya. Impak boleh ditakrifkan, diterangkan dan diukur melalui lima dimensi di bawa

Dimensi Impak	Soalan Impak Setiap Dimensi Ingin Menjawab
APA	Apakah hasil yang berlaku dalam tempoh? Seberapa penting hasilnya kepada orang (atau planet) yang mengalaminya?
SIAPA	Siapa yang mengalami hasilnya? Sejauh manakah pihak berkepentingan yang terjejas berhubung dengan hasilnya?
BERAPA BANYAK	Hasil yang berlaku - merentas skala, kedalaman dan tempoh?
SUMBANGAN	Apakah sumbangan YUJ kepada hasilnya, mengambil kira apa yang akan berlaku?
RISIKO	Apakah risiko kepada manusia dan planet yang kesannya tidak berlaku seperti yang dijangkakan?

Sumber: (<https://iris.thegiin.org/introduction/#b2>)

CEO Yayasan perlu menyediakan analisis data untuk menjejak dan memantau metrik bagi penilaian tahunan pelan tindakan dari segi kejayaan/pencapaian/kegagalan atau tindakan pembetulan yang diperlukan dan dibentangkan kepada Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Undang Johol seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 15.

8.0 Penggubalan Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol

Pelan Strategik Pendidikan Yayasan Undang Johol telah menggariskan 6 strategi yang menjurus kepada Pendidikan. Strategi pertama, (S1) adalah membangunkan **Roadmap Pendidikan YUJ (2024-2040)** sebagai iltizam bagi menangani masalah penyaluran sumbangan dana demi menyokong penganjuran program-program intervensi akademik yang sebelum ini bersifat *ad hoc* dan mempunyai objektif yang kabur. Roadmap tersebut diperlukan untuk memperkasa pendidikan di sekolah-sekolah wilayah/luak Johol demi meningkatkan motivasi dan bilangan pelajar yang akan meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Input, proses, output (hasil) dan outcome (natijah) bantuan yang ingin disumbangkan oleh penaja dan penganjur perlu ditelaah dengan teliti dalam Roadmap tersebut untuk menjamin keberkesanan program yang dianjurkan mengikut keutamaan, kemampuan dan kesesuaian bagi memastikan kelestarian program bantuan yang dilaksanakan. Ia boleh dilaksanakan secara bertahap iaitu melalui pelaksanaan bersifat jangka pendek, sederhana dan jangka panjang.

Kedua, analisis situasi S.W.O.T. menunjukkan salah satu kekangan dalaman yang dihadapi oleh Yayasan Undang Johol adalah keterbatasan sumber (manusia, operasi, dana) untuk memudahkan penyaluran sumbangan dana dan penganjuran program-program intervensi akademik. Maka, selaras dengan Misi Yayasan, Strategi kedua (S2) memerlukan Yayasan untuk membangunkan Pelan Organisasi dalam memperkasakan mekanisme dalamannya demi mengurustadbir organisasi dengan cekap dan berintegriti dari segi perancangan sumber manusia dan operasi. Ini akan membolehkan Yayasan untuk menyusun program dan aktiviti yang berimpak tinggi demi menaikkan keberkesanannya sebagai agen perubahan Wilayah Johol dengan menggembling jaringan kerjasama yang telah dibina bersama kumpulan sukarelawan, jabatan dan agensi kerajaan serta pihak swasta selama ini.

Strategi ketiga (S3) dari Pelan Strategik Pendidikan YUJ 2024-2040 menjadi asas kepada penggubalan kertas Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol berdasarkan senario keperluan bantuan pendidikan secara menyeluruh. Kertas Dasar ini digunapakai sebagai polisi untuk penubuhan Tabung Pendidikan dan pelaksanaannya dari segi penajaan dan kelestarian kewangan. Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol amat mendokong Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berobjektif “untuk menubuhkan satu sistem pendidikan yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi, dan politiknya.” Penekanan Yayasan kepada pendidikan adalah kesinambungan kepada visi, misi dan objektifnya dalam pembangunan sosioekonomi bagi memastikan para pelajar daripada kumpulan sasar di sekolah-sekolah rendah dan menengah dalam wilayah luak Johol akan mendapat bantuan yang diperlukan dalam bentuk biasiswa, bantuan pendidikan sekolah, dan melanjutkan pengajian mereka.

9.0 Penggubalan Polisi Penubuhan Tabung Pendidikan Yayasan Undang Johol

Dalam buku kedua, Strategi keempat (S4) menggariskan kertas Polisi bagi penubuhan Tabung Pendidikan Yayasan Undang Johol iaitu Undang-undang Kecil Tabung Pendidikan Yayasan Undang Johol yang merangkumi kumpulan sasaran, jenis bantuan, penajaan, pemberian dana, mekanisme bantuan, pemilihan dan sebagainya. Ini akan membantu Yayasan menyusunatur penajaan dana melalui sumbangan bantuan dan penglibatan masyarakat setempat, alumni sekolah dan pihak swasta yang sering mengambil bahagian. Yayasan juga boleh mengembeling bakat dan kepakaran bagi menyokong aktiviti-aktiviti pembangunan kecemerlangan akademik sekolah. Ini merupakan nilai tambah memacu kerancangan proses memperkasakan pendidikan di sekolah-sekolah dalam meningkatkan motivasi murid melanjutkan pengajian ke peringkat institusi pengajian tinggi.

Kelima, terdapat banyak pihak terlibat dalam projek penyaluran bantuan memperkasakan pendidikan di peringkat lokal, wilayah, negeri dan persekutuan. Maka, Strategi kelima (S5) iaitu penubuhan Tabung Pendidikan Yayasan Undang Johol menggariskan tiga mekanisme penyampaian bantuan merangkumi peringkat sekolah rendah, menengah dan di institusi pengajian tinggi. Bentuk bantuan juga mencakupi sumbangan wang tunai one-off sehinggalah kepada pembiayaan pinjaman dan biasiswa di peringkat pengajian di universiti serta pemerkasaan pendidikan melalui program balik ke sekolah dan kem motivasi seperti berikut:

a) Bantuan Kepada Pelajar

Tabung Pendidikan ini apabila dilancarkan nanti dijangka pada peringkat awalnya berupaya mempertimbangkan bantuan kewangan secara one off khususnya bagi meringankan beban kewangan ibubapa pelajar-pelajar dalam kategori B40 yang bermastautin dalam Wilayah Luak Johol di permulaan sesi persekolahan peringkat rendah dan menengah (termasuk yang ditawarkan memasuki ke asrama penuh). Antara bantuan yang ditawarkan kepada pemohon yang layak adalah termasuk;

- i. Bantuan kewangan one-off untuk kemasukan ke sekolah berasrama penuh dan institusi pengajian tinggi.
- ii. Bantuan yuran pengajian.
- iii. Bantuan pinjaman /dermasiswa pengajian.

b) Bantuan Melanjutkan Pengajian ke IPT

Pada peringkat Negeri Sembilan sahaja, di antara bantuan pendidikan yang tersedia termasuklah penganjuran program *Back to School* di sekolah rendah, penganjuran program program intervensi akademik untuk motivasi dan kemahiran belajar, bantuan wang tunai one-off untuk pelajar yang masuk ke sekolah berasrama penuh dan universiti, Bantuan Baitulmal Negeri Sembilan, Bantuan Pendidikan Yayasan Negeri Sembilan, Bantuan Anak Negeri Sembilan, Bantuan Am Pelajaran Majlis Agama Negeri Sembilan (MAINS) dan Bantuan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Negeri Sembilan. Terdapat banyak lagi bantuan pendidikan sedemikian yang ditawarkan oleh agensi kerajaan dan bukan kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan tersedia untuk pemohon-pemohon yang mempunyai kelayakan seperti yang disyaratkan oleh penaja.

Maka, Tabung Pendidikan Yayasan dijangka dapat mempertimbangkan pemberian bantuan one off secara segera juga kepada pelajar-pelajar yang menerima tawaran kemasukan ke kolej komuniti dan universiti tempatan dan luar negara. Pengukur kejayaan bagi usaha-usaha tersebut sering dinilai berdasarkan pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah serta bilangan pelajar cemerlang yang berjaya meneruskan pengajian mereka ke sekolah berasrama penuh dan bilangan pelajaran lepasan sekolah menengah ke peringkat pengajian diploma dan ijazah di universiti-universiti dalam dan luar negara.

c) Bantuan Pemerkasaan Pendidikan

Kecemerlangan akademik di sekolah bergantung kepada prasana akademik, prasarana kurikulum, tahap kebersihan, keselamatan dan keceriaan, pengajaran dan pembelajaran, kualiti guru dan penglibatan masyarakat. Pihak sekolah yang berjaya dan menyerlah dalam semua elemen ini berpotensi tinggi untuk melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dan bermotivasi untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Sehubungan dengan itu sumbangan bantuan berupa dana dan kepakaran bagi menaja serta menyokong penganjuran program-program intervensi akademik di sekolah sekolah oleh masyarakat luar sekolah sangat relevan dalam proses memperkasa potensi pendidikan di sekolah-sekolah untuk pelajar meneruskan pengajian ke peringkat institusi pengajian tinggi.

Pembentukan modal insan melalui pendidikan tidak tertumpu kepada peranan pihak sekolah semata mata. Pihak Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) umpamanya terlibat secara langsung dalam pengurusan sekolah iaitu dalam pengajaran pembelajaran, kurikulum, aktiviti sosial, keceriaan sekolah, mendapatkan bantuan kewangan dan aktiviti kebajikan. Sokongan yang padu dan berterusan dari PIBG meringankan lagi beban dan memudahkan pihak sekolah menjalankan tanggung jawab pengajaran dan pembelajaran. Bantuan kepada sekolah tahfiz, program motivasi dan sebagainya yang disasarkan kepada pelajar peringkat akar umbi bagi meningkatkan jumlah pelajar yang bermotivasi untuk belajar hingga ke peringkat lebih tinggi.

Akhir sekali, Strategi keenam (S6) menyediakan Borang Permohonan Tabung Pendidikan YUJ untuk mengemaskinikan proses pemberian dana melalui bantuan pendidikan kepada pemohon pemohon yang layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebagai permastautin di Luak Johol dan Negeri Sembilan.

10. Rumusan

Pelan Strategik Pendidikan Yayasan Undang Johol 2024-2040 membentangkan aspirasi dan idea yang dijana secara dalaman oleh para Felo dan staf YUJ serta pihak berkepentingan melalui tinjauan sosial. Pelan Strategik Pendidikan ini mendokong visi misi, matlamat, dan objektif Yayasan Undang Johol. Pelan strategik ini akan memacu Yayasan Undang Johol ke tahun 2040 dengan Visi “untuk menjadi sebuah agensi yang sentiasa mengambil peduli kepayahan hidup masyarakat dan membantu mensejahterakan anggota masyarakat yang berada dalam kumpulan sasar” dan mendokong misi “untuk mengurustadbir organisasi dengan cekap dan berintegriti serta mewujudkan jaringan kerjasama yang erat dengan kumpulan sukarelawan, jabatan dan agensi kerajaan serta pihak swasta.” Roadmap yang dihasilkan berdasarkan kitaran hayat produk bersama 6 Strategi dan 14 Pelan Tindakan dibentangkan untuk pertimbangan Ke bawah Kaus YTM Undang Luak Johol selaku Penaung dan para ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Undang Johol. Pelan Strategik ini menggariskan Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol yang holistik dan Pelan Tindakan untuk polisi menjana dana dan membiayai program pendidikan kepada golongan sasar dan juga sebagai persediaan bagi menghadapi keadaan kecemasan seperti berlakunya bencana alam. Ini sejajar dengan peranan YUJ dalam pembangunan sosioekonomi, kesejahteraan masyarakat, dan kelestarian alam sekitar pada peringkat tempatan merentasi Johol, Negeri Sembilan, negara dan global.

DASAR PENDIDIKAN YAYASAN UNDANG JOHOL

Berikut dimajukan Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol untuk pertimbangan Lembaga Pemegang Amanah.

1.0 Rasional Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol

- Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol (YUJ) merupakan kesinambungan peranan Yayasan dalam pembangunan sosioekonomi melalui pendidikan bagi memastikan para pelajar dari sekolah-sekolah rendah dan menengah dalam wilayah adat Luak Johol akan mendapat bantuan yang diperlukan dan melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi terutamanya para pelajar dari golongan B40, M40 yang layak dan golongan khusus seperti yang digariskan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12.
- Dasar Pendidikan YUJ mendokong Dasar Pendidikan Kebangsaan yang objektifnya adalah: "BAHAWASANYA dasar pelajaran seperti yang diisytiharkan dalam Ordinan Pelajaran, 1957 ialah untuk menubuhkan satu sistem pendidikan yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi, dan politiknya."
- Di samping itu, Dasar Pendidikan YUJ juga mendokong Falsafah Pendidikan Negara yang diasaskan kepada hasrat serta aspirasi negara dengan penekanan kepada usaha melahirkan insan yang berilmu dan berakhlak, seimbang dan harmonis, yang boleh mencapai kesejahteraan diri dan memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Ini menjadi satu matlamat penting sistem pendidikan kebangsaan.

2.0 Tujuan

- Maka, Dasar Pendidikan Yayasan Undang Johol (YUJ) adalah bertujuan:
 - i. Menggariskan penubuhan, penjanaan dan kelestarian Tabung Pendidikan Yayasan Undang Johol untuk memenuhi keperluan tenaga rakyat negara ini dalam jangka panjang dan pendek dan melahirkan masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih.
 - ii. Menetapkan kelayakan, amaun dan garispanduan bagi bantuan kepada para pelajar yang layak dalam wilayah/luak Johol. (jangka pendek/serdhana).
 - iii. Menetapkan kelayakan, amaun dan garispanduan bagi bantuan kepada para pelajar yang layak melanjutkan pengajian tinggi. (jangka serdhana)
 - iv. Memperkasa pendidikan di sekolah-sekolah wilayah/luak Johol untuk meningkatkan motivasi dan bilangan pelajar yang akan meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi (jangka serdhana/panjang).

3.0 Penubuhan Tabung Pendidikan YUJ

- Dalam dokumen Dasar Pendidikan ini, penubuhan Tabung Pendidikan YUJ sebagai suatu wadah merangkumi fungsi dan peranan, tadbir urus, kuasa dan had amaun pelaburan, pematuhan kepada peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa, pelaporan penjanaaan pendapatan, peranan entiti di YUJ dalam hal penjanaaan pendapatan, skop penjanaaan pendapatan dan perkara-perkara lain yang berkaitan.
- Penjanaaan dan Kelestarian Tabung Pendidikan YUJ berdasarkan garis panduan dalam pengurusan aktiviti penjanaaan bagi memastikan pelaksanaannya mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- Memperkukuhkan aktiviti-aktiviti penjanaaan dan kelestarian kewangan semasa melalui garis panduan yang jelas dan proses pelaksanaan yang cekap.
- Menjadi pemangkin dalam menjana idea baru dalam usaha meningkatkan sumber dalaman YUJ.
- Menyokong usaha melestarikan kewangan YUJ bagi menempuh cabaran pada masa akan datang.
- Dasar ini juga memberi panduan kepada YUJ mengenai tatacara penjanaaan pendapatan.
- Perancangan serta pelaksanaan berperingkat - jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang - supaya Tabung Pendidikan ini lestari.

4.0 Fungsi Dan Peranan Jawatankuasa Penjanaaan dan Kelestarian Kewangan (JPKK)


- Merancang dan melaksana inisiatif penjanaaan kewangan YUJ meliputi program pendidikan, aset, kepakaran, derma, endowmen, wakaf, pengkomersilan.
- Merancang kerjasama inisiatif YUJ-Swasta yang meliputi penjanaaan dan pembangunan prasarana.
- Merancang dan melaksana inisiatif kecekapan operasi dan penjimatan.

5.0 Tadbir Urus Jawatankuasa Penjanaaan dan Kelestarian Kewangan (JPKK)

- Jawatankuasa Penjanaaan dan Kelestarian Kewangan YUJ dianggotai oleh:

Penaung	:	YTM Kebawah Kaus Dato' Undang Luak Johol
Pengerusi	:	Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh salah seorang yang dilantik dari kalangan Pemegang Amanah
Setiausaha	:	(CEO dan Bendahari YUJ mesti berkecuali tidak boleh jadi Setiausaha JPKK/JK Tabung Pendidikan YUJ)
Ahli	:	Dilantik oleh YUJ

- Lantikan Ahli Jawatankuasa adalah bagi tempoh maksimum 3 tahun.
- Jawatankuasa perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.
- Semua aktiviti penajaan dan pelaporan prestasi pendapatan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penajaan dan Kelestarian Kewangan YUJ untuk perakuan dan kelulusan.
- Untuk aktiviti penajaan yang melibatkan pelaburan, kertas cadangan perlu mendapat perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan YUJ dan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah YUJ untuk kelulusan. Untuk aktiviti penajaan yang tidak melibatkan pelaburan, hanya kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Penajaan dan Kelestarian Kewangan YUJ diperlukan.
- Struktur punca kuasa urusan penajaan pendapatan dan kelestarian kewangan YUJ adalah seperti berikut:



6.0 Kuasa Dan Had Amaun Pelaburan

- Pihak yang diberikan kuasa meluluskan pelaburan dan had amaun adalah seperti berikut:

Bi I	Jenis Pelaburan	Jawatankuasa Terlibat	Had Amaun
1.	Sebarang pelaburan	• Lembaga Pemegang Amanah YUJ – kelulusan • JPKK – kelulusan • Bendahari – kelulusan	Sebarang amaun (Undang-undang Kecil)
2.	Pelaburan dalam simpanan tetap	• Lembaga Pemegang Amanah YUJ – makluman • JPKK – makluman • Bendahari YUJ – Kelulusan untuk Simpanan Tetap	Sebarang amaun (Undang-undang Kecil)

7.0 Pematuhan Kepada Pekeliling Dan Surat Pekeliling YUJ

- Dasar ini disediakan selaras dengan Pekeliling dan Surat Pekeliling dan peraturan kewangan YUJ yang sedang berkuatkuasa.
- Untuk memastikan dasar ini sentiasa sesuai dengan peraturan dan keperluan YUJ, dasar ini tertakluk kepada Pekeliling dan Surat Pekeliling baru Kerajaan daripada semasa ke semasa.

8.0 Pelaporan Penjanaan

- Untuk memastikan tadbir urus aktiviti penjanaan, Tabung Pendidikan YUJ perlu melaporkan aktiviti dan prestasi penjanaan pendapatan kepada YUJ melalui pelaporan kepada Jawatankuasa Penjanaan dan Kelestarian Kewangan (JPKK) YUJ.

9.0 Peranan Entiti Di bawah YUJ Dalam Hal Penjanaan

- Dari segi peranan penjanaan pendapatan, entiti di YUJ boleh dibahagikan kepada lima (5) entiti yang utama:
 - i. Lembaga Pemegang Amanah YUJ.
 - ii. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan YUJ.
 - iii. Jawatankuasa Penjanaan dan Kelestarian Kewangan JPKK YUJ.
 - iv. Jawatankuasa Kecil Tabung Pendidikan JKTP YUJ.
 - v. Bendahari YUJ
- Peranan yang dimainkan oleh lima (5) entiti adalah seperti berikut :
 - i. Lembaga Pemegang Amanah (LPA) YUJ
 - Dipengerusikan oleh Pengerusi yang dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pemegang Amanah.
 - Menetapkan dasar penjanaan dan kelestarian kewangan YUJ.
 - Meluluskan aktiviti penjanaan dan kelestarian kewangan yang melibatkan sebarang amaun pelaburan melalui perakuan Jawatankuasa Penjanaan dan Kelestarian Kewangan YUJ.

- Menyokong aktiviti penajaan dan kelestarian kewangan melalui hubungan luar yang bersesuaian dengan peranan ahli Lembaga Pemegang Amanah YUJ.
- ii. Lembaga Pemegang Amanah (LPA) YUJ
- Dipengerusikan oleh CEO YUJ.
 - Memperakukan aktiviti penajaan dan kelestarian kewangan yang melibatkan sebarang amaun pelaburan melalui JPKK untuk kelulusan LPA YUJ.
 - Memantau aktiviti penajaan dan kelestarian kewangan secara berkala.
 - Mencadangkan aktiviti penajaan dan kelestarian kewangan untuk dikaji dan dilaksanakan oleh JPKK YUJ.
 - Menyokong aktiviti penajaan dan kelestarian kewangan melalui hubungan luar yang bersesuaian dengan peranan ahli Mesyuarat JPYUJ.
- iii. Jawatankuasa Penajaan dan Kelestarian Kewangan (JPKK) YUJ
- Dipengerusikan dari salah seorang yang dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pemegang Amanah.
 - Mengenalpasti peluang aktiviti penajaan dan kelestarian kewangan dalam atau luar YUJ yang bersesuaian, dengan kerjasama LPA dan entiti lain.
 - Menggerakkan aktiviti penajaan dan kelestarian kewangan yang meliputi program pendidikan, sosioekonomi, keusahawanan, aset, kepakaran, derma, endowmen, wakaf, penyediaan perkhidmatan dan pelaburan perniagaan.
 - Menyediakan kertas berkaitan dasar penajaan dan kelestarian kewangan untuk perakuan JPYUJ, JPKK dan kelulusan LPA YUJ.
 - Jawatankuasa Kecil Tabung Pendidikan YUJ melalui JPKK boleh menggunakan budibicara untuk mempertimbangkan sebarang permohonan kewangan yang berkaitan dengan aktiviti pembelajaran dan ko-kurikulum yang difikirkan penting dalam pembangunan sahsiah pelajar.
- iv. Jawatankuasa Kecil Tabung Pendidikan JKTP YUJ
- Dipengerusikan oleh Pegawai Tetap yang dilantik oleh Lembaga Pemegang Amanah daripada salah seorang staf Yayasan Undang Johol kecuali CEO YUJ.
 - Jawatankuasa Kecil terdiri tidak lebih daripada lima (5) orang yang dilantik oleh Lembaga Pemegang Amanah YUJ akan mempertimbangkan setiap permohonan.
 - Bendahari Tabung Pendidikan adalah salah seorang pegawai yang dilantik oleh Lembaga Pemegang Amanah. Bendahari ini hendaklah pegawai yang berbeza daripada Bendahari YUJ yang menguruskan kewangan Yayasan Undang Johol.
 - Keperluan untuk melantik pegawai atau kakitangan sokongan akan dibuat oleh Lembaga Pemegang Amanah dengan mempertimbangkan perakuan daripada Jawatankuasa ini.

v. Bendahari YUJ

- Menguruskan hal ehwal berkaitan akaun dan simpan kira aktiviti penajaan.
- Menyediakan sistem pengurusan akaun dan akses oleh pihak berkepentingan yang dapat membantu pemantauan dan pelaporan aktiviti penajaan.
- Membantu penyediaan laporan berkenaan prestasi penajaan dan kelestarian kewangan untuk pembentangan secara berkala kepada Mesyuarat JPKK, Jawatankuasa Pengurusan YUJ dan Lembaga Pemegang Amanah YUJ.

10.0 Skop Penajaan Pendapatan dan Kelestarian Kewangan

- Secara umum skop penajaan di YUJ merangkumi semua aktiviti bersesuaian yang dapat menjana pendapatan melalui kerjasama dengan mana-mana agensi dan tidak terhad kepada aktiviti kursus pendidikan, pengurusan prasarana, penawaran program sosioekonomi dan penganjuran program-program yang bersifat latihan semata-mata.
- Aktiviti-aktiviti penajaan dan kelestarian kewangan perlu mematuhi undang-undang yang berkuatkuasa di dalam negara, peraturan yang termaktub di dalam Perlembagaan YUJ dan ketetapan pihak pengurusan YUJ.
- Aktiviti penajaan pendapatan yang dikenalpasti termasuk untuk pelaksanaan jangka pendek, sederhana dan panjang:
 - i. Penajaan Pendapatan Jangka Pendek (Sedia ada)
 - Penawaran program-program sosioekonomi atau makan malam amal.
 - Penganjuran seminar serta kursus pemeraksanaan pendidikan, contohnya program motivasi, program masuk universiti, pengenalan kepada STEM dan TVET, pertandingan Cabaran Sains Kebangsaan (National Science Challenge NSC) dan sebagainya. Syarat boleh dirujuk dengan Undang-undang Kecil Tabung Pendidikan YUJ.
 - ii. Penajaan Pendapatan Jangka Sederhana
 - Pengewangan aset yang menghasilkan pendapatan secara lestari (contoh: kerjasama membangunkan tanah milik YUJ dengan entiti lain).
 - Pengurusan YUJ perlu menguruskan aset supaya penajaan kewangan dari sumber ini dapat dimaksimumkan secara lestari.
 - Penajaan kewangan melalui pengewangan aset yang lestari membawa implikasi bahawa YUJ tidak akan menjual atau menukarkan tanah dengan aset lain.
 - Pelbagai bentuk pengewangan aset boleh dilaksanakan untuk tujuan penajaan termasuk pembangunan milik penuh, pembangunan secara usahasama, pajakan dan sewaan.
 - Segala bentuk pembangunan hartanah perlu diselaraskan dengan Roadmap/Pelan Induk YUJ.
 - Untuk pengewangan aset yang melibatkan tanah YUJ, konsep pembangunan seperti usahasama, bina-kendali-pindah, sewaan dan pajakan boleh digunakan.

- Penilaian semua cadangan yang melibatkan pengewangan aset dan hartanah YUJ akan dibuat oleh Jawatankuasa Penjanaaan dan Kelestarian Kewangan JPKK YUJ untuk kelulusan Mesyuarat Pengurusan YUJ dan Lembaga Pemegang Amanah YUJ.

iii. Penjanaaan Pendapatan Jangka Panjang

- Perolehan dana endowmen, derma, wakaf dan tajaan boleh dibuat oleh YUJ untuk tujuan seperti pembiayaan Tabung Pendidikan, pembangunan prasarana, biasiswa pelajar, dan program pemerkasaan pendidikan.
- Dalam kes di mana pemberian endowmen, derma, wakaf dan tajaan melibatkan penamaan prasarana perlu mendapat kelulusan YUJ sebelum sebarang komitmen dibuat kepada pemberi/penderma. Entiti pemberi endowmen, derma, wakaf dan tajaan mestilah yang tidak menjejaskan YUJ sebagai organisasi NGO yang mempunyai kredibiliti.
- Geran atau sumbangan yang disalurkan oleh Kerajaan atau agensi lain boleh digunakan untuk pelaburan yang rendah risiko seperti simpanan tetap bank, saham, pelaburan terus dalam sekuriti boleh dagang dan pelaburan hartanah seperti dalam Garis Panduan Pelaburan YUJ. Sumber dana yang diperoleh selain dari geran atau sumbangan yang disalurkan oleh kerajaan boleh dilaburkan dalam portfolio pelaburan. Semua pelaburan perlu mendapat kelulusan daripada JPKK YUJ.
- Pelbagai jenis perkhidmatan boleh ditawarkan untuk tujuan penjanaaan ini termasuk perkhidmatan penginapan, penyediaan makanan dan minuman, pengurusan acara, pengangkutan pelajar, kemudahan rekreasi, dan kejohanan sukan.
- Penyediaan perkhidmatan melibatkan skop penjanaaan melebihi dari sewaan asas tanah, ruang kemudahan, peralatan dan aset fizikal. Bergantung kepada kesesuaian, pihak ketiga boleh dilantik untuk menawarkan perkhidmatan melalui perkongsian keuntungan.

iv. Penyewaan tanah, ruang kemudahan dan peralatan

- Setiap aktiviti penyewaan hendaklah dikenakan bayaran sama ada berbentuk sewa atau caj mengikut jenis aset dan kemudahan seperti ruang kaki persegi, masa, atau tempoh penggunaan dan bilangan peserta berdasarkan kadar yang telah diluluskan oleh JPKK.
- Dalam menentukan kadar sewa, Jawatankuasa Penjanaaan dan Kelestarian Kewangan YUJ perlu mengambil kira kadar pasaran semasa, lokasi, keluasan, kemudahan, topografi dan lain-lain faktor. Antara kaedah yang digunapakai adalah kaedah perbandingan (comparison method), kaedah pelaburan (investment method), dan kaedah keuntungan (profit method).
- Caj tambahan akan dikenakan sekiranya perkhidmatan tambahan diberikan kepada penyewa dan caj gantirugi sekiranya terdapat kerosakan.
- Aktiviti penyewaan ruang mesti mengelakkan pertembungan antara aktiviti YUJ dan sewaan kepada pihak luar. Keutamaan perlulah diberi kepada aktiviti YUJ terlebih dahulu berbanding penyewaan.

- v. Pelbagai bentuk perniagaan yang bersesuaian boleh dijadikan sumber penajaan, termasuklah perniagaan sedia ada yang dikendalikan oleh Koperasi Perdana Luak Johol Bhd.
- vi. Semua perniagaan perlu diuruskan melalui entiti dengan liabiliti terhad. Penetapan tahap risiko yang memerlukan perlindungan entiti liabiliti terhad akan ditentukan oleh JPKK YUJ. Semua entiti perniagaan sebegini diletakkan di bawah pengurusan Koperasi Perdana Luak Johol Bhd.
- vii. Entiti milik YUJ boleh mengembangkan perniagaan atau aktiviti penajaan sedia ada di dalam dan di luar negara.
- viii. Untuk menjaga imej baik YUJ, kualiti pengurusan dan operasi pengembangan perniagaan atau aktiviti penajaan perlu dititik beratkan. Sebarang perkara yang boleh menjejaskan imej baik YUJ mesti dielakkan.

RUJUKAN

Global Impact Investing Network (2021). An Introduction to Impact Measurement.
Retrieved from <https://iris.thegiin.org/introduction/#b2>

Kementerian Ekonomi Malaysia (2023). Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 Malaysia Madani: Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi. Putrajaya: Kementerian Ekonomi.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (10 Jun 2020). "Senarai Sekolah Rendah dan Menengah Jun 2020". Diarkibkan daripada yang asal (XLSX) pada 10 Februari 2021. Dicapai pada 10 Februari 2021 – melalui moe.gov.my.

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan [https://www.ns.gov.my/kerajaan/info-negeri/pengenalan Yayasan Undang Johol](https://www.ns.gov.my/kerajaan/info-negeri/pengenalan-Yayasan-Undang-Johol) (20). Profil Yayasan Undang Johol. Balai Rasmi Undang Luak Johol: Johol, Negeri Sembilan.

LAMPIRAN

DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

- **Latarbelakang**

Dalam tahun-tahun menuju kemerdekaan, telah timbul kesedaran di kalangan pemimpin dan rakyat Malaysia tentang betapa mustahaknya diadakan satu sistem pendidikan kebangsaan untuk mengganti sistem pendidikan penjajah bagi memenuhi kehendak negara. Atas kesedaran inilah lahir satu Dasar Pendidikan (Pelajaran) Kebangsaan melalui Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran, 1957. Dasar pendidikan ini telah disemak semula dalam tahun 1960 yang menghasilkan Laporan Rahman Talib. Laporan Rahman Talib ini kemudian dimaktubkan dalam Akta Pelajaran, 1961.

Kemudian, sebuah Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan dalam tahun 1974 untuk mengkaji semula Dasar Pendidikan dengan tujuan untuk memperbaiki pelaksanaannya supaya matlamat untuk melahirkan satu masyarakat yang bersatupadu dan berdisiplin serta memenuhi keperluan tenaga rakyat yang terlatih bagi pembangunan negara dapat dicapai. Laporan Jawatankuasa ini telah diterbitkan dalam tahun 1979.

- **Rasional**

Sistem pendidikan di zaman penjajahan telah berkembang tanpa mengambilkira kepada keperluan pembangunan, pembentukan identiti kebangsaan dan perpaduan negara. Sistem Pendidikan berkenaan mengekalkan tumpuan taat setia rakyat pendatang dan keturunan mereka kepada negara asal mereka dan menekan (suppress) semangat pembangunan rakyat tempatan. Sistem ini mungkin secocok dengan Tanah Melayu yang terjajah tetapi apabila Tanah Melayu sudah merdeka, ia didapati tidak lagi sesuai. Oleh itu, langkah-langkah diambil bagi menggubal satu sistem pendidikan kebangsaan yang sesuai untuk Negara yang merdeka dan mempunyai matlamat-matlamat sendiri.

- **Objektif**

Objektif dasar ini dinyatakan dalam Pendahuluan kepada Akta Pelajaran, 1961, iaitu: "BAHAWASANYA dasar pelajaran seperti yang diisytiharkan dalam Ordinan Pelajaran, 1957 ialah untuk menubuhkan satu sistem pendidikan yang akan dapat memenuhi keperluan Negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi, dan politiknya..."

Objektif ini dinyatakan secara am tetapi dalam melaksanakannya, Kementerian Pendidikan denganberpanduan kepada Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960, telah mentafsirkannya sebagai menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja ("tenaga rakyat," istilah yang digunakan oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet) bagi keperluan ekonomi.

Seterusnya, objektif-objektif ini diperkhususkan lagi apabila Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan dan bidang tugasnya ditetapkan. Ini mencerminkan hasrat bahawa Dasar Pendidikan diharapkan dapat memenuhi keperluan tenaga rakyat negara ini dalam jangka panjang dan pendek dan melahirkan masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih.

Falsafah Pendidikan Negara yang diasaskan kepada hasrat serta aspirasi negara dan dinyatakan secara bertulis baru - baru ini memberi penekanan kepada usaha melahirkan insan yang berilmu dan berakhlak, seimbang dan harmonis, yang boleh mencapai kesejahteraan diri dan memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Ini menjadi satu matlamat penting sistem pendidikan kebangsaan.

• **Strategi Pelaksanaan**

Beberapa strategi telah digubal untuk mencapai matlamat Dasar Pendidikan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i. Menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama.
- ii. Mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan Malaysia bagi semua jenis sekolah.
- iii. Mewujudkan sistem peperiksaan yang sama bagi semua;
- iv. Melicinkan tatacara pengurusan pendidikan.
- v. Meningkatkan mutu pendidikan keseluruhannya dengan menyediakan pendidikan yang menyeluruh, seimbang dan bersepadu.
- vi. Mengadakan peluang pendidikan asas selama Sembilan tahun.
- vii. Mendemokrasikan pendidikan dari segi peluang dan mutu dengan mengagihkan peruntukan secara adil dan member perhatian khas kepada kumpulan yang kurang bernasib baik dankawasan luar bandar atau pedalaman.
- viii. Menyediakan pendidikan rendah mengikut Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang berasaskan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira pada tahun 1983 yang menjurus kepada kurikulum bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989. Matlamat utama kurikulum baru ini adalah untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi ilmunepengetahuan dan kemahiran yang sesuai dan mempunyai moral serta nilai etika yang kukuh.
- ix. Memperluaskan pendidikan Vokasional dan Teknik melalui penyusunan semula kurikulum Sekolah Vokasional pada tahun 1978.
- x. kurikulum Sekolah Vokasional pada tahun 1978; Mempelbagai dan memperbanyakkan kemudahan pendidikan di peringkat YUJ terutama dalam bidang sastera gunaan dan sains gunaan.
- xi. Mempertingkatkan pendidikan kerohanian, moral dan disiplin.
- xi. Menjadikan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran yang wajib diajar di sekolah-sekolah dan memberi peluang yang sempuma bagi pembelajaran bahasa - bahasa lain seperti Bahasa Cina dan Bahasa Tamil
- xi. Menggalakkan aktiviti ko-kurikulum yang memupuk disiplin, seperti pasukan-pasukan kadet tentera, kadet polis, pengakap, puteri Islam dan lain-lain.

Di samping strategi ini, Dasar Pendidikan Kebangsaan juga dilaksanakan dengan mengada dan memperkembangkan tenaga pengajar yang terlatih dan juga mendirikan sekolah-sekolah selaras dengan pertambahan kanak-kanak. Di Kementerian/ Jabatan Pendidikan pula, beberapa Bahagian dan Jawatankuasa yang meliputi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Dasar Pendidikan Kebangsaan telah ditubuhkan atau diperkuatkan bagi memastikan tercapainya hasrat Dasar Pendidikan ini. Diantaranya termasuklah penubuhan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional, Jawatankuasa Pusat Kurikulum, Biro Buku Teks, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia, Jawatankuasa Perancangan Pendidikan, Bahagian Perkhidmatan, Sebaran Pendidikan dan Pusat Perkembangan Kurikulum.

• **Penutup**

Dasar Pendidikan Kebangsaan sememangnya dapat menampung keperluan-keperluan negara buat masa ini dan masa depan. Selaras dengan hasrat negara untuk mencapai tahap Negara perindustrian adalah penting rakyatnya diberikan pendidikan secukupnya dengan keperluan-keperluan swasta bagi bidang-bidang tertentu seperti pengeluaran, pelancongan, perkhidmatan, dan sebagainya. Oleh itu dasar ini bukan sahaja dapat memenuhi keperluan tenaga manusia dari segi jumlah tetapi juga dari segi kualiti. Dasar ini seharusnya dapat menggalakkan lebih ramai rakyat yang terlibat secara aktif dalam bidang keusahawanan dan tidak bergantung semata-mata kepada kerajaan untuk mencari kerja. Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan semasa yang menekankan penyertaan swasta secara aktif.